

28 FEB 1996

PEMUDA UMNO SABAH: CADANGAN PBS MAHU KE MAHKAMAH DUNIA SATU GIMIK

KOTA KINABALU, 28 Feb (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO Sabah hari ini menyifatkan cadangan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk membawa isu pindaan perlembagaan negeri ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa hanya sebagai gimik politik.

Pergerakan itu juga menyelar sikap parti pembangkang itu yang cuba mengelirukan rakyat dengan mentafsir pindaan berkenaan bertujuan menghapus hak Sabah seperti terkandung dalam Perjanjian Malaysia.

"Pindaan itu hanya bertujuan mengurangkan kuasa pentadbiran Ketua Menteri yang terlalu kuat dan langkah (pindaan) ini menjamin keadilan bagi semua kaum di Sabah," kata Setiausaha pergerakan itu, Encik Rimin Maidin dalam sidang berita di sini.

Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata di Tawau Isnin lepas partinya akan membantah cadangan pindaan perlembagaan itu ke Mahkamah Dunia.

Sabtu lepas, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pindaan itu perlu bagi mengurangkan kuasa Ketua Menteri yang dianggap terlalu kuat berbanding ketua menteri atau menteri besar di negeri-negeri lain.

Kenyataannya itu ditentang keras oleh PBS yang mahukan diadakan pungutan suara melalui pilihan raya negeri sebelum pindaan berkenaan dikemukakan di Dewan Undangan Negeri. -- BERNAMA.

KG OBA.